

20 MARCH 1998

Anwar-Kritikan

KRITIKAN LANGKAH MENYELAMAT KPB TIDAK BERASAS, KATA ANWAR

KUALA TERENGGANU, 20 Mac (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini berkata bahawa kritikan yang kerajaan mengambil langkah menyelamatkan Konsortium Perkapalan Bhd (KPB) adalah tidak benar dan tidak berasas kerana harga pengambilalihan itu masih lagi di peringkat perbincangan.

"Kes sama ada ia merupakan langkah menyelamatkan atau bantuan pembelian atau tidak, hanya berlaku kalau melihat daripada harga dan nilai," katanya pada persidangan media selepas Dialog Ekonomi di sini hari ini.

Beliau berkata dalam kes ini, Petronas atau Malaysian International Shipping Corporation (MISC) tidak memutuskan harga kerana ia akan diputuskan mengikut harga pasaran yang akan ditentukan oleh syarikat penilai bebas.

Pada 6 Mac lepas, MISC telah menandatangani dua memorandum persefahaman dengan Petronas dan KPB untuk mengambil alih Petronas Tankers Sdn Bhd dari Petronas dan Pacific Basin daripada KPB.

Dalam perjanjian itu, MISC juga akan mengambil alih 51 peratus ekuiti Asia LNG Transport dan Asia LNG Transport Dua Sdn Bhd, kedua-duanya anak syarikat PNSL Bhd di samping sembilan kapal PNSL dan dua kapal yang baru dibina. PNSL adalah anak syarikat milik penuh KPB.

Anwar yang juga Menteri Kewangan menjelaskan MISC, yang saham terbesarnya dipegang Petronas, mengambil alih Pacific Basin Bulk Shipping Ltd baru-baru ini selepas membuat penilaian kepentingan strategik.

Katanya keputusan itu dibuat oleh lembaga MISC dan Petronas selepas penilaian kepentingan Petronas, dan menyedari langkah itu akan menjadikan MISC sebuah syarikat perkapalan yang berupaya dan berdaya maju.

Katanya langkah itu juga sebagai menyahut seruan kerajaan bagi mengukuhkan industri perkapalan negara dan dapat melegakan tekanan imbalan pembayaran negara yang mengalami defisit kerana terpaksa bergantung kepada syarikat perkapalan asing.

Beliau berkata terdapat banyak kritikan dan teguran terutama media asing tentang keputusan MISC itu terutama dalam mengambil alih Pacific Basin.

"Cuma kerana ia melibatkan Konsortium Perkapalan Berhad (KPB) yang dikuasai (anak lelaki Perdana Menteri) Mirzan Mahathir, maka orang membuat tafsiran seolah-olah kerajaan memaksa atau mempengaruhi (MISC)," katanya.

"Saya mencadangkan penilai perkapalan bebas luar negeri (membuat penilaian itu) untuk mengelakkan tafsiran dan kemungkinan kita mempengaruhi pandangan atau penilaian," katanya.

Beliau berkata kritikan-kritikan itu juga menyentuh mengenai cadangan KUB Bhd mengambil alih 30 peratus kepentingan Malaysia Mining Corporation (MMC) daripada Permodalan Nasional Bhd (PNB) dan kononnya KUB akan diberi diskaun besar bagi pembelian itu.

"... tetapi apabila harganya diumumkan RM2.50 (sesaham) yang sekarang lebih tinggi daripada pasaran semasa, terbukti bahawa teguran itu tidak berasas juga," kata Anwar.

Katanya KUB juga mempunyai peranan dan perlu meneruskan kegiatan ekonomi dan urusniaganya dengan berkesan.

Beliau berkata KUB seperti juga Sime Darby Bhd kini tidak berminat kekal pemegang saham Sime Bank dan memilih untuk berunding dengan PNB untuk mendapatkan kepentingan 30 peratus kepentingan MMC itu.

Anwar berkata perkara yang sama timbul mengenai laporan sebuah lagi

konglomerat tempatan Renong Berhad menghadapi masalah di Filipina dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) diminta membantu.

Timbalan Perdana Menteri itu menegaskan keputusan sama ada KWSP campur tangan dalam urusan itu bergantung kepada panel pelaburannya dan ia harus membuat keputusan berdasarkan kesesuaian daripada sudut kepentingan pelaburan dan kumpulan wang simpanan nasional.

"Oleh kerana itu, terlalu awal bagi kita membicarakan dan kita juga tidak boleh melarang KWSP atau (badan pelaburan kerajaan) Khazanah Holdings atau memaksanya memerhati dan menilai pelaburan yang sudah puluhan tahun mereka lakukan," katanya.

Anwar menegaskan arahan kerajaan kepada kedua-dua badan itu adalah jelas iaitu mereka mesti membuat kajian terperinci setiap pelaburan, mesti mengikut cadangan panel pelaburan, menentukan dasar itu terbuka dan telus serta mematuhi peraturan-pertuaran yang ditetapkan.

Mengenai kepentingan KSWP dalam Sime Bank, Anwar menegaskan beliau tidak melihat mengapa ia tidak boleh dipertahankan.

"Yang dihebahkan seolah-olah KWSP akan memberi pinjaman yang besar kepada Sime Bank untuk kepentingan penggabungan itu. Saya tidak ada maklumat tentang itu," katanya. -- BERNAMA

SBJ MA NMO